

Peralihan kepimpinan UMNO kepada generasi muda berwibawa

UM 23 JAN 2001

MELAKA 22 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO akan memastikan peralihan kepimpinan parti adalah kepada generasi muda yang berwibawa dan cekap supaya perjuangan parti dapat diteruskan dengan jayanya.

Presiden UMNO berkata, langkah itu akan membolehkan Malaysia menjadi negara maju seperti yang dirancang.

“Pemimpin yang ada mungkin sudah terlalu tua dan perlu diganti dengan generasi muda yang berwibawa dan cekap supaya perjuangan ini dapat diteruskan dan kita akan dapat menjadi sebuah negara maju menjelang 2020,” katanya yang juga Perdana Menteri semasa berucap merasmikan Graha UMNO di sini hari ini.

Bagaimanapun pada masa yang sama, Dr. Mahathir berkata, generasi tua tidak boleh dilupakan kerana mereka juga telah menyumbang kepada perjuangan UMNO.

Oleh itu, katanya, adalah menjadi harapan UMNO untuk menarik lebih banyak sokongan daripada generasi muda.

“Ini kerana perjuangan UMNO sekarang adalah untuk waris kita iaitu generasi muda yang akan mengambil alih dan teruskan perjuangan ini... yang sedang kita usahakan ialah untuk masa depan negara kita.

“Apa yang kita ingin lihat ialah satu cantuman tenaga antara muda dan tua supaya pengalaman yang tua dapat digunakan oleh generasi muda yang akan meneruskan perju-

angan ke arah negara Malaysia yang maju dan merdeka,” tegasnya.

Mengenai bangunan baru UMNO Melaka itu, Dr. Mahathir berharap ia akan dapat meningkatkan kegiatan UMNO negeri khususnya dalam usaha meraih sokongan golongan muda.

Sementara itu Dr. Mahathir berkata, bandar Melaka kini sudah pesat membangun dan bukan lagi umpama ‘bandar sepi (Sleepy Hollow) seperti tanggapan kerajaan British dahulu.

Bandar raya bersejarah itu, kata Perdana Menteri, bukan sahaja terkenal sebagai pusat pelancongan tetapi banyak industri berpusat di sini.

Semua ini, kata beliau, adalah hasil perjuangan UMNO untuk membela

nasib orang Melayu dan kaum-kaum lain sejak merdeka.

“Sekarang Melaka membangun dengan pesat dan membuktikan rakyat yang merdeka berjaya membangunkan negara sendiri.

“Rakyat Melaka tidak lagi nyenyak tidur tetapi sama aktif dengan rakyat Malaysia di negeri-negeri lain,” katanya.

Dr. Mahathir menambah pembinaan bangunan baru UMNO negeri ini membuktikan perjuangan UMNO yang berterusan untuk kebaikan rakyat dan negara.

“Kita harap dengan adanya bangunan baru ini, UMNO Melaka akan lebih berkemampuan menarik sokongan orang Melayu khususnya golongan muda,” katanya.